



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA



Majlis Perutusan Tahun Baharu 2018

Ucapan oleh:
YB Dato' Seri Mahdzir Bin Khalid
Menteri Pendidikan Malaysia





KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA

PENGURUSAN TERTINGGI KEMENTERIAN



YBhg Dato' Sri Alias Hj Ahmad
Ketua Setiausaha

YB Dato' P. Kamalanathan
Timbalan Menteri Pendidikan I

YB Dato' Seri Mahdzir Khalid
Menteri Pendidikan Malaysia

YB Senator Datuk Chong Sin Woon
Timbalan Menteri Pendidikan II

YBhg Datuk Dr. Amin Senin
Ketua Pengarah Pelajaran
Malaysia



#menerajuiperubahan

Selamat Kembali Bertugas...

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada warga pendidik kita yang telah memulakan tugas dengan cemerlang, tidak kira dalam apa keadaan dan di mana lokasi mereka

Sesi persekolahan 2018 bermula

Seramai 135,761 murid Tahun Satu mula bersekolah di empat negeri

02 Januari 2018 3:00 AM



Guru Pendidikan Khas, Shima Fahniza Mohd. Kassim membetulkan tudung muridnya pada hari pertama persekolahan di SK Taman Perling, Johor Bahru semalam.

Sumber: Kosmo Online

4 jam guna jalan balak ke sekolah

Guru tidak patah semangat biarpun terpaksa meredah hutan di Gua Musang

Aimuni Tuan Lah

08 Januari 2018 2:52 AM



SEKUMPULAN guru menaiki motosikal meredah jalan balak yang becek selama lebih empat jam untuk memulakan sesi persekolahan di Pos Balar, Gua Musang baru-baru ini.



Sumber: Utusan Online



#menerajuiperubahan

Pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 yang masuk **tahun kelima** menyaksikan perubahan telah berlaku pada setiap peringkat, daripada penggubal dasar sehinggalah kepada pelaksana di sekolah

Sebagai warga pendidikan yang berpandangan futuristik, kita harus sedar bahawa terdapat agenda lebih besar untuk **menyediakan anak-anak kita untuk masa hadapan yang lebih cemerlang.**



Transformasi Nasional 2050 (TN50)



Kita telah membina asas yang kukuh dalam diri generasi akan datang melalui **Enam Aspirasi Murid** yang diterapkan melalui PPPM 2013-2025

Kita bersedia untuk memenuhi aspirasi global kerana pendidikan yang diamalkan di negara ini adalah amat selari dengan **Sustainable Development Goals (SDG) Keempat** mengenai pendidikan yang menetapkan sasaran enrolmen universal pada tahun 2030



Transformasi
Nasional 2050

Kita perlu melakukan anjakan paradigma menjurus kepada transformasi minda yang membolehkan murid kita berdaya saing dan mampu berdikari untuk membangunkan negara menjelang tahun 2050.



#menerajuiperubahan

Perutusan Tahun Baharu 2018

Kementerian Pendidikan Malaysia

3 Segmen Utama

1

Mengimbau kejayaan warga
Kementerian dalam
memartabatkan pendidikan
negara



2

Usaha Kementerian dalam
proses pengantarabangsaan
pendidikan



3

Amanat untuk
Warga Pendidikan





KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA

Imbasan 2017

Mengimbau kejayaan warga besar Kementerian
dalam memartabatkan pendidikan negara




#menerajuiperubahan



Kejayaan Warga KPM Memartabatkan Pendidikan Negara

Sebagai **ahli Lembaga Eksekutif UNESCO (2017 - 2019)**. Malaysia memainkan peranan penting dalam menyumbangkan idea dan amalan terbaik dalam pendidikan yang boleh dijadikan contoh oleh negara lain



United Nations
Educational, Scientific and
Cultural Organization

Malaysia Funds-in-Trust (MFIT) Project

Malaysia telah berkongsi pengalaman dan membantu inisiatif transformasi pendidikan negara kurang membangun dan kepulauan kecil

Malaysia – UNESCO Cooperation Programme (MUCP)


Menerusi program MUCP-MFIT, Malaysia telah menyumbang sebanyak USD9 juta untuk pelaksanaan 13 projek pendidikan





Kejayaan Warga KPM Memartabatkan Pendidikan Negara

Pada peringkat **ASEAN**, KPM telah banyak mengetuai persidangan serta mempengerusikan mesyuarat



• **Malaysia ke 49th SEAMEO Council Conference (49th SEAMEC) dan 3rd Strategic Dialogue for Education Ministers**
di Jakarta, Indonesia dari 24 hingga 27 Julai 2017

• **Malaysia telah mempengerusikan Mesyuarat ke-12 Pegawai Kanan Pendidikan ASEAN (12th SOMED) dan**

• **Mesyuarat ke-8 Pegawai Kanan Pendidikan ASEAN Plus Three (8th SOMED+3) di Bangkok, Thailand dari 30 November hingga 1 Disember 2017**





Kejayaan Warga KPM Memartabatkan Pendidikan Negara

Pada peringkat **kebangsaan**, pelbagai aktiviti pendidikan telah dianjurkan



Hari UNESCO Malaysia (HUM) 2017

Dilaksanakan dengan kerjasama Taman-Taman Sabah pada 9 hingga 10 September 2017 di Kundasang, Sabah. HUM merupakan acara tahunan peringkat kebangsaan bagi memperkenalkan UNESCO kepada masyarakat.



Program Jelajah Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia

Objektif program ini adalah untuk menyampaikan *touchpoints* secara langsung kepada masyarakat umum. Sebanyak 12 siri jelajah telah diadakan di seluruh negara.



Berteraskan slogan "**Menerajui Perubahan**", program Jelajah Pendidikan KPM memberi fokus kepada *showcase* kejayaan KPM membangunkan murid yang bersedia mendepani cabaran global dan mencapai Enam Aspirasi



#menerajuiperubahan



Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 - 2025



Anugerah Pengurusan Projek Mike Nichols untuk Aspirasi 2017 oleh Association for Project Management berpengkalan di United Kingdom telah diberikan kepada **Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan (PADU)**

Tahniah kepada YBhg. Dato' Sri Alias Ahmad selaku Pengerusi PADU dan Puan Khadijah Abdullah, Ketua Pegawai Eksekutif PADU.

- Pemilihan ini membuktikan bahawa pelaksanaan pelan pendidikan kita berada pada landasan yang betul dan merupakan hasil daripada transformasi PPPM 2013 - 2025.

PPPM 2013 - 2025 mengandungi visi, inovasi dan diakui dalam menyampaikan perubahan transformasi kepada pendidikan serta memberi kesan positif yang berpanjangan demi kepentingan rakyat

Jelas bahawa usaha kita memajukan sistem pendidikan negara telah mendapat perhatian dan pengiktirafan banyak pihak di luar sana



Penganugerahan Sijil Pengiktirafan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA)

Kementerian Pendidikan Malaysia dalam kategori cemerlang
berkuat kuasa 15 Oktober 2017 hingga 14 Oktober 2019



“Persekitaran Kondusif Pemacu Transformasi”

Kejayaan cemerlang EKSA ini wajar diperluaskan ke peringkat negeri dan daerah hinggalah ke peringkat sekolah agar persekitaran berkualiti turut membuahkan hasil kerja yang efisien.



Cikgu Mohd. Sirhajwan Idek
Kolej Vokasional Keningau, Sabah

**Anugerah Kecemerlangan Guru dalam
bidang Keusahawanan dan Inovasi
Antarabangsa**

- Persidangan Keusahawanan dan Inovasi Eropah, Novancia Business School, Paris.

**Anugerah Global Teacher Prize di Dubai
pada Mac 2017**

- Melayakkan diri ke peringkat akhir



Cikgu K. A. Razhiyah

Guru Pakar Pendidikan Khas
SMK Panji, Kota Bharu, Kelantan

- **Anugerah Guru Cemerlang Pendidikan Khas** (3 kali – peringkat kebangsaan)
- Antara 50 guru dari seluruh dunia disenarai pendek untuk **Anugerah Guru Global 2018**



Cikgu Saripah Embon

Guru Kemahiran Hidup Bersepadu,
Sains dan Matematik

- **Anugerah Ikon Guru 2017**
- **Anugerah Princess Maha Chakri (APMC) 2017** di Bangkok, Thailand



Imbasan 2017

Kejayaan Kolej Matrikulasi pada Peringkat Antarabangsa



Kumpulan Revival Kolej Matrikulasi Selangor

- Memenangi **Anugerah Emas** dalam *International Convention on Quality Control Circles 2017*
- 24 hingga 26 Oktober 2017 di Okada Manila, Paranaque City, Metro Manila, Filipina



Kumpulan ECOTERA dari Kolej Matrikulasi Selangor dan Kumpulan MAKERS dari Kolej Matrikulasi Labuan

- Penerima **Anugerah Emas (3 Bintang)** bersempena *Annual Productivity and Innovation Conference and Exposition (APIC 2017)*
- 14 hingga 16 November 2017 di *Genting International Convention Centre*



Imbasan 2017

Kejayaan Murid dalam Pelbagai Bidang



SK Long Sepiling di Baram, Sarawak

- Juara kategori Penceritaan Terbaik menerusi video “Marung Usu” dalam **Anugerah *Kid Witness News*** di Tokyo, Jepun



SMK Ibrahim, Sungai Petani, Kedah

- Pingat Emas dalam **Pertandingan Ekspo Antarabangsa Ciptaan** dan **Rekaan Kaohsiung** di Taiwan



Imbasan 2017

Kejayaan Murid dalam Pelbagai Bidang



Sekolah Seri Puteri Cyberjaya, Selangor

- Pasukan Orkestra Simfonik (SP Winds) meraih **Anugerah Perak** pada **Pertandingan Muzik Dunia (WMC 2017)** di Kerkade, Amsterdam



Sekolah Sultan Alam Shah Putrajaya

- Pingat Emas dalam **Pertandingan Kreativiti Reka Cipta Dunia (WICC)** di Seoul, Korea



Kejayaan Murid dan Guru dalam Arena Sukan Antarabangsa

Kejohanan Sukan SEA di Kuala Lumpur (19 hingga 30 Ogos 2017)

- Malaysia mengungguli kejohanan Sukan SEA dengan **pungutan pingat sebanyak 145 Emas, 92 Perak dan 86 Gangsa** dengan **pungutan keseluruhan sebanyak 323 pingat**
- Seramai **140 atlet murid dan 5 guru** telah terlibat secara langsung dalam Kejohanan Sukan SEA bagi tahun 2017. Atlet murid dan guru KPM telah menyumbang **sebanyak 73 pingat keseluruhan** iaitu **38 Emas, 15 Perak dan 20 Gangsa** dalam kejohanan Sukan SEA 2017

Sukan Para ASEAN (17 hingga 23 September 2017)

- Malaysia menduduki tempat kedua dengan penyertaan seramai 326 atlet dalam pelbagai disiplin sukan.
- Seramai **33 atlet murid dan 3 guru KPM** telah mewakili Malaysia dalam kejohanan ini. Atlet murid dan guru KPM telah menyumbang sebanyak **28 pingat keseluruhan** dalam Sukan Para ASEAN iaitu **10 Emas, 9 Perak dan 9 Gangsa**.



Imbasan 2017

Pencapaian Cemerlang Atlet Murid Sukan SEA 2017



Khairul Hafiz Jantan
Raja Pecut Baharu Asia Tenggara
(10.38 saat dalam acara 100 meter)



Grace Wong
Memecah rekod acara Lempar Tukul Besi
(Catatan jarak sejauh 59.24 meter)



Welson Sim
Memecah rekod acara renang
200 meter Gaya Bebas
(1 minit 47.79 saat)

400 meter Gaya Bebas
(3 minit 50.26 saat)



An Najwa binti Azizan
Mewakili Malaysia untuk merangkul pingat emas dalam sukan Bola Jaring

Imbasan 2017

Kejohanan Sukan Sekolah-Sekolah ASEAN (ASG)



ASG kali ke-9 telah diadakan di Singapura pada Julai 2017. Malaysia telah menduduki tempat ke-4 dengan **pungutan pingat sebanyak 72 (22 Emas 16 Perak dan 34 Perak).**

- ASG merupakan kejohanan berprestij dan mempunyai standard yang tinggi sehingga disifatkan sebagai Sukan SEA bagi atlet remaja sekolah di rantau ini



Pada tahun 2018, **Malaysia akan menjadi tuan rumah** kepada ASG kali ke-10 di Shah Alam, Selangor pada Julai 2018.



#menerajui perubahan

Imbasan 2017

Program Pembangunan Golf 2017



Program Pembangunan Golf 2017 telah dilaksanakan bagi meningkatkan penyertaan murid dalam sukan golf serta hasrat untuk meningkatkan pencapaian Malaysia dalam sukan golf di persada antarabangsa.



Kursus Pengenalan Kejurulatihan Untuk Program *Golf In Schools* untuk 20 orang guru turut diadakan di SK Putrajaya Presint 8 (1) Putrajaya pada 14 April 2017



Penubuhan Program *Golf In Schools* di SK Putrajaya Presint 8 (1) pada 6 April 2017 telah dianjurkan dengan kerjasama Persatuan Golf Malaysia (MGA)





Sumbangan Pihak Luar dalam Pembangunan Sukan

Pembangunan sukan di bawah Kementerian Pendidikan telah berjaya dilaksanakan **melalui kerjasama dan sumbangan daripada pelbagai pihak dan agensi lain**. Antara agensi yang telah memberi sumbangan terbesar dalam bidang sukan adalah **Yayasan Bank Rakyat** dan **Yayasan Guru Tun Hussein Onn**.





KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA

Usaha Kementerian Untuk Pengantarabangsaan Pendidikan



#menerajuiperubahan



Usaha Kementerian Untuk Pengantarabangsaan Pendidikan **Bantuan Persekolahan untuk Murid 2018**



Dalam Bajet 2018, Kerajaan memperuntukkan dana besar bagi Kementerian Pendidikan iaitu sebanyak **RM45.9 bilion** untuk perbelanjaan mengurus dan pembangunan termasuk bagi menyediakan **bantuan persekolahan** kepada lebih **5.2 juta murid** di seluruh negara



Pendidikan peringkat rendah dan menengah di Malaysia adalah **percuma**
(Purata RM8,900 bagi setiap murid setahun)



Yuran khas, yuran peperiksaan hinggalah bayaran tambahan persekolahan telah **dimansuhkan**



Pinjaman buku teks diberikan kepada semua pelajar



Bantuan Khas Awal Persekolahan 1Malaysia sebanyak RM100 kepada keluarga berpendapatan rendah



KPM **meneruskan 19 jenis bantuan** dengan nilai peruntukan sebanyak **RM3.103 bilion** untuk membantu murid di sekolah



Usaha Kementerian Untuk Pengantarabangsaan Pendidikan **Pentaksiran Antarabangsa TIMSS dan PISA**



Tahun **2018** merupakan penyertaan Malaysia kali ke-4 dalam kajian
Programme for International Student Assessment (PISA)



PISA menguji tiga domain utama kognitif murid iaitu literasi dalam bidang **Sains, Matematik dan Bacaan**. Kita berhadapan cabaran bagi PISA 2018 kerana dapatan awal menunjukkan bahawa murid Malaysia lemah dalam literasi Bacaan

- Pentaksiran PISA 2018 akan dijalankan **berasaskan komputer** mulai 01 April hingga 31 Mei

Sama-sama kita memberikan sokongan dan bantuan kepada semua sekolah dan murid di Malaysia untuk menguasai literasi Sains, Matematik dan Bacaan, khususnya kumpulan sampel 192 buah sekolah, guru dan murid yang akan terlibat dalam PISA 2018 di seluruh negara.



#menerajuiperubahan



Trends In International Mathematics and Science Study (TIMSS)

- 2 kajian akan dilaksanakan sepanjang tahun 2018

Kajian Rintis TIMSS 2019

- 24 buah sekolah telah dikenal pasti sebagai sampel dengan penglibatan 16 JPN di seluruh negara bagi menjalankan ujian TIMSS dengan menggunakan komputer atau eTIMSS yang dijalankan pada bulan Mac 2018

Kajian Utama TIMSS 2019

200 buah sekolah terpilih bagi menjalankan ujian eTIMSS pada bulan Oktober 2018



Tahap kesediaan komputer di sekolah yang terlibat khususnya perlu dikemas kini mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan oleh penganjur.

Usaha Kementerian Untuk Pengantarabangsaan Pendidikan

Pelaporan Pentaksiran Sekolah Rendah (PPSR)



KPM telah memutuskan bahawa keberhasilan utama pendidikan Malaysia dilihat daripada dua perspektif penting dalam PPPM 2013-2025, iaitu **kualiti sekolah** dan **kemenjadian murid**

Pelaporan Pentaksiran Sekolah Rendah (PPSR)

PPSR merupakan pendekatan pelaporan menyeluruh kejayaan murid yang telah melalui persekolahan peringkat rendah selama enam tahun. Penilaian dan pencapaian murid peringkat rendah dilaporkan menerusi **satu pelaporan merangkumi 4 komponen:**

Pentaksiran Bilik Darjah
(PBD)

Pentaksiran Psikometrik
(PPSi)

Pentaksiran Akt. Jasmani
Sukan & Kokurikulum (PAJSK)

Keputusan UPSR

Ibu bapa perlu melihat **PPSR** secara keseluruhan dan bukan hanya melihat kepada bilangan A yang diperoleh dalam UPSR. Jika ini berlaku, kita sebagai ibu bapa akan dapat **memberikan sokongan, motivasi dan bantuan yang lebih baik dan terarah** kepada anak-anak kita dalam fasa seterusnya persekolahan mereka untuk berjaya pada peringkat menengah.



Usaha Kementerian untuk Pengantarabangsaan Pendidikan **Pembelajaran Abad ke-21 (PAK21)**



Keseimbangan ilmu dan akhlak dalam pendidikan akan menyediakan generasi masa depan yang peka dengan perubahan landskap pendidikan tinggi dan cabaran abad ke-21.

Objektif Pembelajaran Abad ke-21 adalah untuk memastikan pengajaran dan pembelajaran (PdP) guru adalah **berpusatkan murid** dan **pengukuhan KBAT** melalui **pengaplikasian kemahiran 4K1N**



Komunikasi • Kolaboratif • Pemikiran Kritis dan Kreatif • Nilai Murni dan Etika

Pengukuhan KBAT melalui PAK21 boleh dijalankan dengan **menggunakan alat bukan ICT dan ICT.**



- Pelaksanaan **Bilik Darjah Pintar** merupakan salah satu daripada alat pemudah cara dalam PAK21



Kerajaan memperuntukkan **RM190 juta** bagi **menaik taraf 2,000 kelas menjadi Bilik Darjah Pintar** Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21) khusus untuk meningkatkan pembelajaran berasaskan pemikiran kreatif dan inovatif.



Usaha Kementerian untuk Pengantarabangsaan Pendidikan **Pembelajaran Abad ke-21 (PAK21)**



Dalam usaha **menyelaraskan pemahaman konsep Pembelajaran Abad ke-21 (PAK21)** dalam kalangan semua pihak, KPM akan melaksanakan aktiviti berikut pada tahun 2018:



Penyediaan Kerangka
Konsep Pembelajaran
Abad ke-21



Latihan *Training of Trainer* (TOT)
kepada pegawai JPN/PPD



Penyediaan Kit
Penerangan PAK21



Latihan Pengoperasian PAK21
kepada SIPartners+ dan SISC+



Pelaksanaan rintis Pelaporan Profil Murid (PPM) bagi murid Tahun 6 dan Tingkatan 3 di 99 buah sekolah di bawah Program Transformasi Sekolah 2025 (TS25) Kohort 1.



Usaha Kementerian Untuk Pengantarabangsaan Pendidikan **Program Transformasi Sekolah 2025 (TS25)**



Program Transformasi Sekolah 2025 (TS25) telah dilaksanakan mulai 2015 dengan matlamat:



1. Memantapkan kepimpinan sekolah
2. Memaksimumkan potensi guru dan murid menerusi peningkatan kualiti pengajaran dan pembelajaran (PdP)
3. Mengukuhkan pelibatan ibubapa, komuniti dan pihak berkepentingan

TS25 diteruskan untuk kohort ketiga bagi tahun 2018 dengan **penambahan sekolah baharu** berjumlah **401 buah** menjadikan jumlah keseluruhan sekolah TS25 sebanyak **600 buah sekolah**





Usaha Kementerian Untuk Pengantarabangsaan Pendidikan Pendidikan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM)



Inisiatif Perkukuhan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) akan **diteruskan dan diperkasakan** pada tahun 2018

Penyediaan **bahan sumber pengajaran dan pembelajaran** mata pelajaran STEM



Kolokium Pendidikan STEM 2018
Sabah, Sarawak, Kelantan dan Perak

Penerbitan **Komik STEM**



Kerjasama
dengan UPSI



**Aktiviti
Inisiatif
Perkukuhan
STEM 2018**



**Persidangan Antarabangsa STEM
2018 (Oktober 2018)**



kerjasama dengan
pihak UTM

Karnival STEM di peringkat negeri dan
kebangsaan



#menerajuperubahan

Usaha Kementerian Untuk Pengantarabangsaan Pendidikan **Pendidikan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM)**



Bagi memperkasa pendidikan generasi TN50, sebanyak **RM25 juta** disediakan untuk menubuhkan **Pusat Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) Negara** dengan kerjasama **Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)**

Fungsi Pusat STEM adalah seperti berikut:

- Pusat pembangunan profesionalisme untuk guru/pemimpin dan pembantu makmal/juruteknik
- Memajukan penyelidikan & pembangunan (R&D) pendidikan STEM
- Melaksanakan program komuniti dan sokongan (*outreach*) dan pengayaan pendidikan STEM
- Mewujudkan jaringan perkongsian kepakaran dan sumber pendidikan STEM pada peringkat serantau dan antarabangsa
- Menyediakan bahan sumber pengajaran dan pembelajaran bidang STEM



Usaha Kementerian Untuk Pengantarabangsaan Pendidikan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional



Usaha memartabatkan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) diteruskan apabila kesemua institusi TVET di bawah **tujuh Kementerian** dijenamakan sebagai **“TVET Malaysia”**.

Peruntukan sebanyak **RM4.9 bilion** disediakan bagi **melaksanakan Pelan Induk TVET Malaysia** sebagai satu langkah mengisi keperluan tenaga mahir negara

Sebanyak **90.58% daripada 2,273 graduan** kohort pertama (2016) telah bekerja mengikut bidang yang dipelajari di kolej vokasional

74.6% dari 12,997 pelajar kohort kedua (2017) telah ditawarkan pekerjaan sebelum tamat pengajian mereka

Graduan kolej vokasional boleh melanjutkan pengajian ke Institusi Pendidikan Tinggi iaitu Universiti Awam dan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta melalui dua kaedah iaitu **laluan khas** untuk graduan yang cemerlang dan **laluan Accreditation of Prior Experiential Learning (APEL)**.



#menerajuiperubahan

Usaha Kementerian Untuk Pengantarabangsaan Pendidikan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional



Pelajar TVET yang telah berjaya:

Anis Sophia Mohd Rosehan Anwar,
bekas pelajar Kolej Vokasional Shah Alam
melanjutkan pengajian di Dublin Business
School dalam *BA (Hons) in Business*
(Psychology) dan ditawarkan Program
Master of Business Administration (MBA)
(With Streams)




Dublin Business School
excellence through learning



Nurizzati Athira Mohamad Yusoff,
bekas pelajar Kolej Vokasional
Taiping telah berjaya sebagai
seorang jurukimpal dalam air
wanita pertama Malaysia

pelajar tahun akhir Diploma Seni Reka Fesyen
Kolej Vokasional ERT Setapak
Eda Aqilah binti Yusni (Tempat Pertama) dan
Mohd Farris Aiman bin Nor Sarizan (Naib Johan)
dalam *Generation M Design Award* Sempena *Tokyo Modest*
Fashion Show 2017 pada 18 hingga 23 November 2017 .



#menerajuiperubahan

Usaha Kementerian Untuk Pengantarabangsaan Pendidikan **Transformasi Pendidikan Orang Asli**



Pihak Kementerian terus berusaha gigih untuk melaksanakan Inisiatif **Transformasi Pendidikan Orang Asli** melalui PPPM 2013 - 2025 agar semua pihak menerima pendidikan yang berkualiti yang relevan dengan keperluan mereka



Pelan Hala Tuju Transformasi Pendidikan Orang Asli dan Peribumi dijadikan panduan dan asas untuk memastikan ekuiti pendidikan dapat dicapai

Inisiatif **Pemeriksaan Kehadiran Murid Orang Asli** telah berjaya meningkatkan kehadiran murid ke sekolah daripada **85.3%** pada tahun 2016 kepada **87.27%** pada tahun 2017

Program pemeriksaan peranan Tok Batin dan JKKK bersama-sama pihak sekolah untuk melibatkan komuniti dalam sekolah turut **membantu mengurangkan isu kehadiran murid.**





Usaha Kementerian Untuk Pengantarabangsaan Pendidikan **Akses Kepada Peluang Pendidikan Berdasarkan Minat, Bakat dan Keperluan**



Kementerian sentiasa memberi peluang kepada murid untuk memperkembangkan bakat mereka



Sistem pendidikan negara kita setaraf dengan negara maju yang lain di dunia kerana kita **menyediakan pelbagai jenis sekolah** seperti Sekolah Sukan, Sekolah Seni dan Sekolah Pendidikan Khas **mengikut keperluan dan kecenderungan murid.**



Usaha Kementerian Untuk Pengantarabangsaan Pendidikan **Sukan Negara**



Pembangunan sukan negara amat diambil berat oleh Kerajaan terutamanya apabila Malaysia telah diisytiharkan sebagai **Juara Keseluruhan Temasya Sukan SEA ke-29** dan mendapat **tempat kedua Sukan Para ASEAN ke-9**.



Kerajaan memperuntukkan **RM1 bilion** bagi melaksanakan inisiatif meliputi *FitMalaysia*, Hari Sukan Negara, latihan atlit, program akar umbi dan program pembangunan bola sepak negara



Sekolah Sukan Bukit Jalil juga akan menerima peruntukan **RM20 juta** bagi menambah baik kemudahannya **sebagai sekolah sukan premier**.



KPM berada di landasan yang tepat dalam mencorakkan kegiatan dan aktiviti sukan selaras dengan pelaksanaan **Dasar 1Murid 1Sukan**.





Usaha Kementerian Untuk Pengantarabangsaan Pendidikan **Program Penarafan Matrikulasi**



Inisiatif Pengantarabangsaan Program Matrikulasi

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 - 2025

Program Penarafan dan Pengiktirafan Kelayakan Matrikulasi ke Program Ijazah Pertama di Institusi Pengajian Tinggi di **Korea Selatan** berjaya mendapat pengiktirafan kelayakan matrikulasi daripada empat universiti



*Korea Advanced
Institute of Science &
Technology (KAIST)*



*Korea
University*



*Sungkyunkwan
University*



*Yonsei
University*



Program yang sama sedang giat dijalankan di Norway. Sekiranya mendapat penarafan, pelajar Matrikulasi berpeluang untuk mendapat **pendidikan percuma** pada peringkat pengajian tinggi di **negara Norway**.



Usaha Kementerian Untuk Pengantarabangsaan Pendidikan Pelan Induk Pembangunan Profesionalisme Keguruan (PIPPK)




Kementerian sentiasa komited untuk memastikan bahawa **guru berkualiti** sentiasa berada di dalam perkhidmatan pendidikan



Mengekalkan kualiti **Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP)** dalam sistem pendidikan adalah salah satu faktor terpenting dalam menentukan kejayaan pendidikan negara

Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP) bagi tahun 2018 terus dimantapkan berpandukan kepada Dokumen Awal **Pelan Induk Pembangunan Profesionalisme Keguruan (PIPPK)**





Menjadi Guru Malaysia (MGM) merupakan salah satu aktiviti yang dilaksanakan di bawah Inisiatif Piagam Guru

- dilaksanakan sejajar dengan moto Piagam Guru iaitu untuk memastikan guru yang berdaftar dengan KPM

**“Guru Yang Berkualiti dan Kekal Berkualiti
Sepanjang Tempoh Perkhidmatan”**



Sistem Guru Malaysia (SGMy)

- dibangunkan untuk mengumpul data dan maklumat semua guru **Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) dan guru Institut Pendidikan Swasta (IPS) berdaftar dengan KPM)** untuk dijadikan sebagai **one stop centre** data guru dan akan diperluaskan kepada data calon bakal guru bermula 2019.



Usaha Kementerian Untuk Pengantarabangsaan Pendidikan **Pelibatan Ibu Bapa, Komuniti dan Sektor Swasta**



Kementerian ingin merakamkan **setinggi-tinggi penghargaan** terhadap sokongan dan pelibatan ibu bapa dalam memastikan aspirasi pendidikan negara dapat dicapai



Peratus kehadiran ibu bapa dalam **6 aktiviti utama meningkat** daripada **92.89%** tahun 2016 kepada **94.45%** bagi tahun 2017.

- Peratus ibu bapa yang terlibat sebagai sukarelawan dalam aktiviti PIBG/sekolah meningkat **daripada 40% bagi tahun 2016 kepada 82%** bagi tahun 2017.



Kumpulan Sokongan Ibu Bapa (KSIB) terus aktif menggalakkan ibu bapa membantu sekolah dalam pelbagai aktiviti – antaranya: menyediakan makanan Hari Sukan, menganjurkan Hari Guru, keceriaan kelas dan baik pulih sekolah.



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA

Amanat untuk Warga Pendidikan



#menerajuiperubahan



Memaksimumkan Keberhasilan Murid Bagi Setiap Ringgit Yang Dibelanjakan

KPM diberi peruntukan di bawah **Belanja Mengurus** dan di bawah **Belanja Pembangunan** sebanyak **RM45.962 bilion**

1

RM500 juta untuk **Tabung Khas Penambahbaikan dan Penyelenggaraan Sekolah** kepada

- Sekolah Kebangsaan
- SJK Cina
- SJK Tamil
- Sekolah Mubaligh
- Sekolah Berasrama Penuh
- Sekolah Agama Bantuan Kerajaan

2

RM2.5 bilion untuk **pembaikan 2,000 sekolah daif** melalui kaedah ***industrial building system (IBS)*** bagi tempoh dua tahun

- RM500 juta sekolah di Semenanjung Malaysia
- RM 1bilion sekolah di Sabah
- RM 1bilion sekolah di Sarawak

3

RM654 juta bagi pembinaan


- 4 buah prasekolah
- 9 pusat PERMATA
- 2 pusat baharu untuk kanak-kanak autisme
- 48 buah sekolah rendah, menengah & kolej vokasional
- 1 pusat matrikulasi





Pembangunan infrastuktur sekolah merupakan tulang belakang dalam usaha untuk melonjakkan kemajuan dan kecemerlangan pendidikan negara.

KPM turut menerima peruntukan sebanyak **RM82 juta** bagi **penyelenggaraan kecil** dan **RM70 juta** bagi **keperluan menaik taraf infrastruktur Institusi Pendidikan** di bawah KPM. Peruntukan ini akan diagihkan mengikut cadangan keutamaan skop kerja yang disyorkan oleh Jabatan dan Bahagian di bawah KPM





Amanat untuk Warga Pendidikan **Penerapan Nilai dan Akhlak**



Pendidikan negara ini adalah berteraskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang amat menekankan **keseimbangan ilmu dan akhlak**

Penerapan nilai, adab dan akhlak memerlukan **usaha bersepadu daripada semua pihak**. Etika dan kerohanian diterapkan melalui aktiviti PdP, sukan dan kokurikulum serta amalan harian

Antara usaha Kementerian:

FPK: Jasmani – Emosi – Rohani – Intelek

- Aspek mekanisma pencegahan
- Penguatkuasaan Peraturan Sekolah
- Intervensi kepada Mangsa
- Jalinan Kerjasama Padu pihak Luar





Momentum Gelombang 2 PPPM (2016-2020) terus dapat memacu peningkatan sistem, inisiatif PPPM telah dikemas kini selaras dengan pencapaian yang telah diraih pada tahun sebelumnya

19 Inisiatif Utama PPPM 2018



Pemartabatan Pendidikan Bahasa Melayu



Pelaksanaan Transformasi ICT KPM



Pengukuhan Perpaduan di Sekolah



Pelaksanaan Piagam Pemimpin Sekolah



Pembudayaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Pembelajaran Abad Ke-21



Transformasi IPG untuk Meningkatkan Kualiti Latihan Guru



Pengukuhan Pendidikan STEM



Pembangunan Nilai dan Sahsiah



Peluasan Pelibatan Sektor Swasta



Peningkatan Perkongsian Data Pendidikan KPM dan Pemantapan Penggunaan Dashboard



Pelaksanaan Struktur Baharu KPM



Pelaksanaan Program Transformasi Daerah



Peluasan Pelaksanaan Pelibatan Ibu Bapa dan Komuniti dalam Ekosistem Sekolah



Penyediaan Infrastruktur Asas di Semua Sekolah



Pengoptimaan Perbelanjaan Berasaskan Keberhasilan Program



Transformasi Pendidikan Orang Asli dan Peribumi



Peningkatan Akses dan Kualiti Pendidikan bagi Murid Berkeperluan Khas



Pengukuhan Pendidikan Bahasa Inggeris



Peningkatan Akses daripada Prasekolah hingga Menengah Atas

8 Inisiatif Sokongan PPPM 2018



Peningkatan Kualiti Prasekolah



Peningkatan Penggunaan Teknologi dalam Pengajaran dan Pembelajaran



Pelaksanaan Piagam Guru



Pembangunan Program Pendidikan Pintar dan Berbakat



Peningkatan Kualiti Pendidikan Vokasional



Peluasan LINUS 2.0 Merangkumi Skop Literasi Bahasa Inggeris



Pelaksanaan Pelan Hala Tuju Sekolah Kurang Murid



Pembangunan Prinsip Pembiayaan Saksama bagi Peruntukan Sokongan kepada Sekolah





Inisiatif Pemartabatan Pendidikan Bahasa Melayu di bawah IPGKBM

Penghasilan tahun 2017 dan pelaksanaan 2018

Dokumen utama dihasilkan:

1. Pelan Hala Tuju Pendidikan Bahasa Melayu 2016-2025
2. Kerangka Standard Bahasa Melayu (KSBM)
3. Draf Kerangka Holistik Pembangunan Profesionalisme Guru BM

Modul pedagogi BM mengandungi strategi pengajaran terkini untuk mengukuhkan pedagogi BM

1. Modul Pedagogi Alternatif Kesusasteraan Melayu
2. Modul Kecemerlangan Pedagogi BM
3. Modul Interaktif Pemulihan Bahasa Melayu Pendidikan Khas

Kit aktiviti sokongan untuk peningkatan penguasaan BM di dalam dan luar bilik darjah

1. Kit Sokongan Bahasa Melayu Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah
2. Kit Program Interaktif Kemahiran Bahasa Melayu (PIKeBM) Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah
3. Kit Program Bijak Kelas Pemulihan Bahasa Melayu

2017: Latihan peningkatan pedagogi

- **2,466 orang** guru BM di sekolah Orang Asli, sekolah kurang murid, sekolah rendah dan menengah berprestasi rendah dalam BM, dan guru kelas peralihan serta **103 orang guru** di sekolah pendidikan khas

2018: Latihan akan diteruskan





Penguasaan Bahasa Inggeris dalam kalangan murid dan guru terus diperkukuh melalui pemantapan program bahasa Inggeris

Dual Language Programme (DLP)

Dilaksanakan di Tahun 1, 2, 4 & 5 (**51,324 murid**) dan di Tingkatan 1 dan 2 (**78,535 murid**).

- Melibatkan **1,429 buah sekolah rendah & menengah** pada 2018
- Dapatan kajian, pencapaian murid di sekolah yang melaksanakan DLP meningkat:
 - **36.28% murid sekolah rendah** meningkat
 - **46.44% murid sekolah menengah** meningkat

Highly Immersive Programme (HIP)

Diperluaskan ke **5,500 buah sekolah** pada tahun 2017 dan seterusnya ke semua sekolah di seluruh negara pada tahun 2018.

- Petujuk prestasi HIP bermula 2018 adalah untuk 60% dari 1,200 sekolah mencapai tahap 3 dalam skala *immersiveness* di mana sekolah akan mewujudkan persekitaran yang menyokong pembelajaran BI secara menyeluruh

Program Intervensi Tambah Opsyen Bahasa Inggeris (PITO-BI)

Seramai **1,043 orang guru** bukan opsyen Bahasa Inggeris telah menjalani latihan dari tahun 2010 hingga ke 2017. Untuk 2018 - 2020, seramai **1,327 orang guru** bukan opsyen Bahasa Inggeris akan dilatih.





NBOS

STRATEGI LAUTAN BIRU KEBANGSAAN

Strategi Lautan Biru Kebangsaan atau *National Blue Ocean Strategy (NBOS)* menyaksikan **pelibatan aktif KPM dengan agensi lain menerusi pemuafakatan** yang dibina melalui pelbagai program dan aktiviti NBOS

Antara inisiatif NBOS yang dilaksanakan oleh KPM ialah,
Community Support For School Teachers dan ***Program My New School***



MAHDZIR KHALID membentangkan songkok Muhammad Razyin M.Khalid Azri selepas menyampaikan sumbangan pembukaan Akaun SSPN di majlis perasmian Inisiatif Strategi Lautan Biru Kebangsaan program My New School di Sekolah Kebangsaan Tun Fatimah Pedu, Padang Terap, Kedah, semalam. - UTUSAN/ISMAIL KAMADIN

Program My New School sedia diperluas

Oleh JAMLIH ABDULLAH
pengarang@utusan.com.my

■ PADANG TERAP 17 OGOS

DALAM usaha meningkatkan kemudahan pembelajaran dan menjadikan sekolah sebagai hab komuniti, program My New School diperluaskan dengan menaik taraf lapan sekolah daif di luar bandar membabitkan peruntukan RM27.5 juta sepanjang tahun ini.

Menyentuh mengenai inisiatif Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) itu membolehkan pihak sekolah mempunyai kerjasama utuh dengan persatuan ibu bapa dan guru (PIBG), ibu bapa, Kumpulan Peng-

gerak Sarana Ibu Bapa (KPSK), komuniti dan agensi terlibat.

Menurut beliau, ia juga selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM 2013-2025) untuk memperkasakan penglibatan ibu bapa dan komuniti. "Salah satu daripada usaha dalam NBOS, sekolah daif kita bakal guna teknik sistem binaan industri (IBS) di bawah Jabatan Kerja Raya (JKR) dan bangunan baharu itu dijadikan inisiatif untuk My New School seterusnya agensi kerajaan lain akan bergabung buat aktiviti di sekolah tersebut.

"Boleh buat program kebalik... program dengan polis, Rela dan sebagainya di sekolah," katanya di sini hari ini.

Mahdzir berkata demikian kepada pemberita selepas Pelan-

caran My New School di Sekolah Kebangsaan (SK) Datin Fatimah, Pedu di sini hari ini.

Beliau memberitahu, program My New School dirintis pada 2016 membabitkan dua sekolah di Sabah dan dua sekolah di Sarawak dengan peruntukan RM7.5 juta.

"Tahun ini lapan lagi sekolah dikenal pasti di Kedah, Melaka, Negeri Sembilan dan Pahang termasuk sebuah dewan Pejabat Pendidikan Daerah di Jerantut Pahang," katanya.

Mahdzir memberitahu, sekolah terlibat ialah SK Rawa, Pendang dan SK Datin Fatimah di Kedah, SK Ulu Yam (Selangor), SK Selandar (Melaka), SK Kampung Acheh (Pahang), SK Dato' Kiara Putra (Negeri Sembilan) dan SK Pandasan (Sabah).



Amanat Untuk Warga Pendidikan dan Pihak Berkepentingan



Selama lima tahun lepas, kita telah berjaya melalui fasa transformasi dalam pelaksanaan PPPM yang menuntut kebijaksanaan dan kewajaran dalam menggunakan sumber sedia ada secara optimum

Kepada semua..
pendidik dan pemimpin pendidikan

Pertingkatkan usaha untuk menambah pengetahuan dan kemahiran, terutamanya dalam **mempelbagaikan strategi pengajaran dan pembelajaran.**

Kepada semua...
pegawai di Kementerian, JPN dan PPD

Jadilah pemikir dan pemimpin perubahan yang dapat memberi sokongan dan bantuan kepada pihak pelaksana dan sekolah yang paling memerlukan.

Kepada...
Ibu Bapa, Komuniti dan Sektor Swasta

Libatkan diri dalam program dan aktiviti sarana ibu bapa untuk mewujudkan pemuafakatan antara ibu bapa, sekolah dan komuniti dan dalam apa jua aktiviti pendidikan di sekolah untuk faedah anak-anak kita.





Terima Kasih





KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA



Majlis Perutusan Tahun Baharu 2018

Ucapan oleh:
YB Dato' Seri Mahdzir Bin Khalid
Menteri Pendidikan Malaysia

